

FAKES BUKU SEBAGAI DESTINASI PELANGGAN :  
SARAN KAJIAN TENTANG PENGALAMAN PERTAMA DAN MAKLUMAT  
SERTA ADA DI KALANGAN PELAJAR SARJANA PENDIDIKAN TEKNIK  
DAN VOKASIONAL



PTT ALITHAM  
PERPUSTAKAAN TUN HUSSEIN RONGGENG

HASLINDA ET ABD HAMID

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

PERPUSTAKAAN KUI TTHO



3 0000 00077098 6



**PTTA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

**BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS\***

JUDUL : PARIT RAJA SEBAGAI DESTINASI PELANCONGAN : SATU KAJIAN TERHADAP PENGALAMAN PERTAMA DAN MAKLUMAT SEDIA ADA PELAJAR SARJANA PENDIDIKAN TEKNIK DAN VOKASIONAL.

SESI PENGAJIAN : 2002/2003

Saya HASLINDA BINTI ABD HAMID  
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (PSM/Sarjana/Doktor Falsafah)\* ini disimpan di Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hakmilik Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn.
2. Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. \*\*Sila tandakan ( 4 )

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh

(TANDATANGAN PENULIS)

(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap:  
48, KG POK KECIL  
81560 GELANG PATAH  
JOHOR

TN HJ JAMALUDDIN BIN HASHIM  
Nama Penyelia

Tarikh: 11 Mac 2003

Tarikh : 11 Mac 2003

- CATATAN :
- \* Potong yang tidak berkenaan.
  - \*\* Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.
  - ♦ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM).

“Saya akui saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional”.

Tandatangan : .....

Nama Penyelia : .....

Tuan Haji Jamaluddin bin Hashim

Tarikh : .....

11 Mac 2003



PTT ALUTHM  
PERPUSTAKAAN TUN TUN AMINAH

PARIT RAJA SEBAGAI DESTINASI PELANCONGAN :  
SATU KAJIAN TERHADAP PENGALAMAN PERTAMA DAN  
MAKLUMAT SEDIA ADA DI KALANGAN PELAJAR SARJANA  
PENDIDIKAN TEKNIK DAN VOKASIONAL.

HASLINDA BINTI ABD HAMID

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional




PTTAUTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional  
Fakulti Teknologi Kejuruteraan  
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn

MAC 2003

“ Saya akui ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang  
tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”



Tandatangan :   
Nama Penulis : HASLINDA BINTI ABD HAMID  
Tarikh : 10 Mac 2003

PTTA ALUTHM  
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH

Khas buat Bak dan Mak  
Pengorbanan kalian tidak ternilai bagiku...

Buat Suami Tercinta  
Sokongan dan Pengertianmu amat bermakna...

Akhir sekali buat rakan seperjuangan yang banyak  
membantu...Semah, Gha, Leen, Hazreel, Wan, Ija dan

Wynn,

Terima Kasih Daun Keladi...



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH

## PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah, segala puji bagi Allah S.W.T. kerana limpah dan rahmat Nya dapat saya menyiapkan projek sarjana ini dalam tempoh yang ditetapkan. Saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Penyelia Projek Sarjana Tn Hj Jamaluddin bin Hashim di atas segala tunjuk ajar, idea dan dorongan yang telah diberikan sepanjang projek ini dijalankan.

Akhir sekali penghargaan ini ditujukan kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan Projek Sarjana ini. Terima kasih diucapkan.



PTTAUTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU AMINAH



## ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengetahui pandangan pelajar-pelajar Sarjana PTV terhadap potensi Pekan Parit Raja sebagai sebuah Destinasi Pelancongan menerusi pengalaman pertama dan maklumat yang pernah mereka terima. Data yang dikumpul melalui borang soal selidik, dianalisis dengan menggunakan Statiscal Package for Science Series (SPSS) versi 10.0 secara kuantitatif bagi mendapatkan nilai peratusan dan skor min. Dapatan kajian mendapati bahawa, Pekan Parit Raja mempunyai potensi untuk menjadi sebuah destinasi pelancongan. Satu bentuk panduan perlu dihasilkan bagi tujuan menyampaikan maklumat yang tepat mengenai Pekan Parit Raja. Cadangan produk yang dihasilkan diharapkan dapat membantu penyelidik seterusnya untuk membangunkan produk ini dengan lebih baik lagi. Melalui pembangunan produk yang sederhana tetapi menarik, dapat membantu mempromosikan Pekan Parit Raja sebagai destinasi pelancongan.



PERPUSTAKAAN UNIKUTAM MELAKA  
AMINAH

## ABSTRACT

The study has been carried out to look upon the students' first experiences during their first visit to Pekan Parit Raja and to foresee the sources of information on Parit Raja that were obtained by the students. The data collected were processed and analyzed with SPSS version 10.0 quantitatively in a way to get the percentage and the mean score. The result of this study shows that Parit Raja have the potential to become a Tourist Destination, Therefore, a destination guide for Parit Raja should be developed. A prototype of a Destination Guide of Parit Raja have been developed to be a reference for future research in the same area of study. The destination guide is hoped to help the effort of promoting Parit Raja as a Tourist Destination.



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	Judul	i.
	Pengakuan	ii.
	Dedikasi	iii.
	Penghargaan	iv.
	Abstrak	v.
	Abstract	vi.
	Senarai Kandungan	vii.
	Senarai Jadual	xi
	Senarai Rajah	xii
	Senarai Nama Singkatan	xiii
	Senarai Lampiran	xiv
<b>BAB I</b>	<b>PENGENALAN</b>	<b>1</b>
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latarbelakang Kajian	4
	1.3 Pernyataan Masalah	6
	1.4 Persoalan Kajian	6
	1.5 Objektif Kajian	7
	1.6 Skop Kajian	8
	1.7 Kerangka Konsep	8



1.8	Kepentingan Kajian	9
1.9	Batasan Kajian	11
1.10	Definisi Istilah	12
1.11	Rumusan	14
<b>BAB II</b>	<b>KAJIAN LITERATUR</b>	<b>15</b>
2.1	Pengenalan	15
2.2	Jenis-jenis Pelancongan	15
2.3	Destinasi Pelancongan	18
2.4	Mengaudit Destinasi	19
2.5	Persepsi dan Pengalaman Pelancongan	20
2.6	Maklumat Mengenai Destinasi Pelancongan	22
2.7	Penggunaan Maklumat dalam Mempromosi Destinasi Pelancongan	23
2.7.2	Pengiklanan	23
2.8	Rumusan	25
<b>BAB III</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>26</b>
3.1	Pengenalan	26
3.2	Rekabentuk Kajian	27
3.2.1	Kajian Berbentuk Tinjauan	27
3.3	Kerangka Operasi	28
3.4	Sampel	28
3.5	Instrumen Kajian	29
3.5.1	Skala Likert	30
3.6	Kajian Rintis	31



3.7	Kaedah Pemungutan Data	32
3.8	Kaedah Penganalisan Data	32
3.9	Rumusan	33
<b>BAB IV</b>	<b>ANALISIS DATA</b>	<b>34</b>
4.1	Pengenalan	35
4.2	Analisis Bahagian A	35
4.2.1	Pengetahuan Mengenai Parit Raja	35
4.2.2	Perolehan Maklumat Mengenai Parit Raja	37
4.3	Analisis Bahagian B	38
4.3.1	Pengalaman Responden Semasa Mula Sampai ke Parit Raja	39
4.4	Analisis Bahagian C	43
4.5	Analisis Bahagian D	47
<b>BAB V</b>	<b>PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN</b>	<b>49</b>
5.1	Pengenalan	49
5.2	Perbincangan	49
5.2.1	Persepsi Para Pelajar Sarjana PTV terhadap Parit Raja	51
5.2.2	Perolehan Maklumat Mengenai Parit Raja	52
5.2.3	Cara Terbaik Menyalurkan Maklumat Mengenai Parit Raja	53
5.3	Kesimpulan dan Cadangan	54
5.3.1	Kesimpulan	54
5.3.2	Cadangan Kajian	56
5.4	Rumusan	57



<b>BAB</b>	<b>REKABENTUK PRODUK</b>	<b>58</b>
<b>VI</b>		
6.1	Pengenalan	58
6.2	Latarbelakang Teori Penghasilan Produk	59
6.3	Objektif Penghasilan Produk	59
6.4	Kronologi Penghasilan Produk	60
6.5	Perisian	61
6.6	Kandungan Produk	61
6.7	Sasaran Produk.	62
6.8	Cadangan.ke atas Produk	62
6.9	Rumusan	63

**RUJUKAN**

64

**LAMPIRAN**

**PTTAUTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

### SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Skala Likert	30
4.1	Pengalaman Berkunjung ke Pekan Parit Raja	35
4.2	Minat Terhadap Pekan Parit Raja	36
4.3	Sumber Maklumat tentang Pekan Parit Raja	37
4.4	Pandangan Terhadap Pengumpulan Data Parit Raja	38
4.5	Teman Semasa Mendaftar	39
4.6	Kenderaan Semasa Mendaftar	40
4.7	Lawatan Sekitar Parit Raja	41
4.8	Bermalam di Batu Pahat	41
4.9	Saudara di Batu Pahat	42
4.10	Tempat Tinggal Semasa Pengajian	43
4.11	Tempat Membeli Makanan	44
4.12	Skala Pengukuran	45
4.13	Pandangan Pelajar Terhadap Kemudahan dan Persekitaran Parit Raja	46
4.14	Potensi Keperluan dan Maklumat Parit Raja	47



**SENARAI RAJAH**

<b>NO. RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
RAJAH 1.1	: Kelakuan Pencarian Maklumat	9
RAJAH 4.1	: Bentuk Panduan Destinasi Parit Raja yang Sesuai Dibangunkan	48
RAJAH 6.1	: Kronologi Penghasilan Produk	60



**PTTA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH



**SENARAI NAMA SINGKATAN**

WTO	-	World Tourism Organization
KUiTTHO	-	Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn
SPSS	-	Statiscal Package for Social Science Series
PTV		Pendidikan Teknik dan Vokasional



**PTTA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
-----------------	--------------	-------------------

A	: Contoh Borang Soal Selidik	72
---	------------------------------	----

B	: Kandungan Laman Web Destinasi Parit Raja	79
---	--------------------------------------------	----

C	: Analisis Data SPSS	80
---	----------------------	----



**PTTA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH



**PTTA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUNJAL MINAH

# BAB I

- PENDAHULUAN -

## BAB I

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Pertubuhan Pelancongan Antarabangsa (World Trade Organization) mendefinisikan pelancongan itu sebagai aktiviti yang dilakukan oleh pelancong semasa melakukan aktiviti melancong dan mengembara, yang mana ianya merangkumi perancangan perjalanan, pengangkutan, penginapan dan sebagainya. Secara mudahnya, pelancongan meliputi segala aktiviti dan perkara yang wujud dan berlaku semasa seseorang itu melancong. Kini, bidang pelancongan merupakan sebuah industri yang boleh dianggap antara yang terpenting sekali di dunia. Negara Malaysia sendiri memperakui industri pelancongan sebagai salah satu sektor penyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan seterusnya menjadi tarikan utama kepada pelancong asing (Okposin S.B., Abdul Hamid dan Boon O.H., 2000).

Menurut Holloway J.C. (1998), industri pelancongan terdiri daripada empat faktor utama iaitu 'daya tarikan', 'kemudahan', 'pengangkutan' dan juga 'hospitaliti'. Daya tarikan yang dimaksudkan di sini termasuklah segala tarikan yang



PTTA ALITHM  
PERPUSTAKAAN TOKKI TUN AMINAH

wujud secara semulajadi seperti lautan dan hutan belantara mahupun buatan manusia sendiri seperti kebudayaan dan hiburan. Manakala kemudahan pula merujuk kepada kemudahan penginapan, kemudahan tempat makan dan minum, kedai bebas cukai, pusat penerangan, kemudahan rekreasi dan juga kemudahan telekomunikasi serta infrastruktur. Faktor yang ketiga ialah pengangkutan iaitu segala jenis cara pergerakan dari satu tempat ke satu tempat yang lain yang nenitik beratkan masa yang perlu diambil bagi setiap perjalanan. Hospitaliti pula berkait rapat dengan bagaimana pelancong itu dilayan dan akhirnya melahirkan perasaan seronok dan gembira sepanjang percutian mereka. Hospitaliti merupakan suatu perkara yang perlu dititikberatkan kerana ia bolch meninggalkan memori yang indah kepada pelancong dan menambah kemungkinan mereka untuk datang berkunjung lagi. Keempat-empat faktor yang disebutkan tadi kini menjadi fokus utama bagi Malaysia membangunkan industri pelancongannya sehingga menyumbang sebanyak RM 17.3 billion (US 4.95) pada tahun 2000 (Malaysia Tourism Promotion Board, 2000).

Bertitik tolak dari kesedaran bahawa industri pelancongan kini menjadi industri terpenting di dunia, kerajaan Malaysia telah berusaha gigih dalam melaksanakan pelbagai program bagi tujuan mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan dunia. Usaha yang dijalankan sehingga kini meliputi promosi dan pemasaran antarabangsa dan domestik. Bagi tujuan promosi antarabangsa, Malaysia telah meluaskan pasaran antarabangsa hingga ke Timur Tengah dan negara Cina. Manakala di peringkat domestic pihak Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan Malaysia telah melancarkan program Cuti-cuti Malaysia dan Tahun Melawat bagi setiap negeri mengikut giliran (Malaysia Tourism Promotion Board, 2000).

Aktiviti mempromosikan industri pelancongan negara bukan hanya melibatkan sesuatu destinasi secara khususnya, malah ia melibatkan keseluruhan aspek pelancongan termasuk perkhidmatan dan produk pelancongan itu sendiri. Ini adalah kerana, industri pelancongan menawarkan perkhidmatan dan produk dalam bentuk pakej. Pakej yang dimaksudkan di sini merujuk kepada pakej perjalanan

yang meliputi penentuan tempat penginapan, pengangkutan dan juga aktiviti-aktiviti riadah serta rekreasi. Apabila seseorang itu membeli pakej pelancongan, bermakna dia membeli beberapa produk dan perkhidmatan pelancongan pada satu masa (Davidoff, 1996).

Menurut Bukart A.J. dan Medik S. dalam Munoz D.M. dan Garcia-Falcon J.M.(2000), produk pelancongan boleh dikategorikan kepada tiga komponen utama iaitu;

- (i) Daya tarikan sesuatu destinasi - termasuk imejnya di dalam pemikiran pelancong itu sendiri.
- (ii) Kemudahan di destinasi itu sendiri - penginapan, makanan dan minuman, hiburan dan rekreasi.
- (iii) Destinasi itu mudah dituju.

Produk dan perkhidmatan dalam pelancongan mungkin tidak dapat dilihat dan dikategorikan oleh semua orang. Malah kebanyakan kita tidak melihat persekitaran kita sebagai daya tarikan pelancongan. Oleh yang demikian, maklumat yang cukup terhadap sesuatu destinasi dan tempat menarik memainkan peranan penting yang sedikit sebanyak dapat mengembangkan dan menimbulkan minat terhadap industri pelancongan sendiri terutamanya di kalangan masyarakat tempatan Malaysia (Okposin S.B., Abdul Hamid dan Boon O.H., 1999).

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Malaysia merupakan salah sebuah negara Asia yang mempunyai pelbagai tarikan pelancong yang menarik dan bertaraf dunia. Namun begitu masih banyak lagi tempat-tempat menarik yang belum dapat dikenalpasti dan mempunyai potensi untuk menjadi daya tarikan Malaysia. Ini dapat dilihat dari aspek pelancongan *special interest* yang mana ia meliputi pelancongan luar bandar, *agro-tourism*, *adventure tourism* dan banyak lagi.

Aspek-aspek menarik mengenai sesuatu destinasi itu perlu ditonjolkan untuk menjadi identiti atau imejnya terutama di fikiran para pelancong sendiri. Antara cara yang paling berkesan untuk menonjolkan sesuatu destinasi pelancongan ialah melalui aktiviti promosi seperti periklanan dan penyaluran maklumat menerusi media massa. Seterusnya dibantu oleh pengalaman sebenar pelancong itu sendiri setelah melawat destinasi tersebut. Pengalaman ini akan kekal menjadi imej dan pandangan yang kekal di ingatan mereka yang seterusnya menjadi faktor penghalang atau penggalak untuk destinasi itu dikunjungi lagi atau dengan kata lain di dalam istilah pemasaran ia menjadi pemasaran secara *words of mouth* atau pun penyampaian melalui perkataan (Inskeep, E., 1999).

Selain daripada itu, merujuk kepada aspek utama sesuatu produk pelancongan itu sendiri, seperti yang dinyatakan oleh Bukart A.J. dan Medik S. dalam Munoz D.M. dan Garcia-Falcon J.M.(2000), selain daripada imej, kemudahan dan kedudukan yang mudah dituju juga memainkan peranan terhadap perkembangan sesuatu destinasi pelancongan itu sendiri sebagai contoh sesuatu destinasi yang mempunyai kemudahan komunikasi dan pengangkutan yang lancar dan pada masa yang sama berdekatan dengan laluan utama seperti lebuh raya atau jalan utama. Ini membolehkan sesuatu destinasi itu dituju dan diketahui umum dibantu pula dengan usaha promosi yang lain seperti pengiklanan.



Pekan Parit Raja merupakan sebuah pekan kecil yang berada lebih kurang 20 kilometer daripada bandar Batu Pahat. Pekan ini boleh dituju dari Batu Pahat dengan menggunakan laluan Jalan Kluang ke Air Hitam. Kedudukannya yang tidak jauh daripada bandar dan Batu Pahat dan daerah Air Hitam, membolehkannya dikunjungi oleh kebanyakan mereka yang menggunakan Jalan Kluang. Faktor pembangunan sektor industri juga memainkan peranan di dalam menjadikan pekan ini sebuah pekan yang sibuk. Selain daripada itu juga, penubuhan KUiTTHO (yang dahulunya sebuah Politeknik), juga memainkan peranan yang menyumbang kepada kesibukan dan kepesatan di Parit Raja dengan kehadiran warga pelajar yang berbilang kaum dan berbagai latar belakang.

Kajian ini dijalankan untuk meninjau pandangan dan pengalaman pelajar-pelajar Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn khususnya Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional sendiri terhadap pekan Parit Raja. Parit Raja dipilih atas dasar kedudukannya di kawasan luar bandar yang juga berdekatan dengan pelbagai tarikan pelancong di sekitarnya. Selain dari itu juga, kajian ini juga akan menyingkap rahsia tentang bagaimana kebanyakan para pelajar KUiTTHO mendapat maklumat mengenai pekan Parit Raja. Faktor ini menjadi fokus utama kerana, melalui pemerhatian dan tinjauan yang dilakukan, didapati kebanyakan pelajar KUiTTHO mempunyai latar belakang yang pelbagai. Kebanyakan mereka bukan daripada masyarakat tempatan atau dengan kata lain, berasal dari negeri lain iaitu luar negeri Johor sendiri. Pengalaman yang cuba disingkap melalui kajian ini berpusat kepada pengalaman pertama para pelajar sendiri sewaktu mula-mula menjejakkan kaki di Pekan Parit Raja khususnya pada hari pendaftaran di KUiTTHO.



PERPUSTAKAAN TUN AMINAH



### 1.3 Pernyataan Masalah

Permasalahan kajian ini dilihat dari aspek pengalaman pertama dan keperluan terhadap maklumat yang lengkap mengenai destinasi Parit Raja terutama di kalangan pelajar yang baru mendaftar di KUiTTHO. Pengalaman pertama di sini menekankan akan pandangan mereka terhadap Parit Raja secara fizikal yang meliputi aspek kemudahan dan perkhidmatan manakala maklumat pula merangkumi perihal tentang bagaimana mereka memperoleh maklumat berkenaan Parit Raja. Selain daripada itu juga, faktor persekitaran dan kesedaran mereka terhadap tempat-tempat yang menarik di Pekan Parit Raja juga membantu menguatkan lagi permasalahan kajian ini.

Secara keseluruhannya dapatlah dinyatakan di sini bahawa permasalahan kajian ini meliputi kajian terhadap persepsi pelajar Sarjana PTV KUiTTHO di Pekan Parit Raja dan bagaimanakah maklumat sedia ada berkenaan Pekan Parit Raja membantu membangkitkan kesedaran bahawa ia berpotensi menjadi sebuah destinasi pelancongan yang menarik.

### 1.4 Persoalan Kajian

Berdasarkan permasalahan yang disebutkan sebelum ini, beberapa persoalan kajian dapat dinyatakan di sini, iaitu ;

- (i) Apakah persepsi para pelajar Sarjana PTV ketika pertama kali tiba di pekan Parit Raja?

- (ii) Apakah kaedah yang digunakan oleh pelajar Sarjana PTV untuk memperoleh maklumat berkenaan dengan KUiTTHO dan pekan Parit Raja?
- (iii) Apakah maklumbalas yang diberi oleh pelajar Sarjana PTV terhadap gambaran geografi, sosial dan infrastruktur pekan Parit Raja?
- (iv) Bagaimanakah alat penyebaran maklumat mengenai pekan Parit Raja dibangunkan?

### 1.5 Objektif Kajian

Secara umumnya objektif kajian ialah untuk mengetahui apakah persepsi dan pandangan pelajar Sarjana PTV terhadap Parit Raja dan peranan maklumat sedia ada di dalam melahirkan kesedaran tentang wujudnya destinasi Parit Raja. Oleh yang demikian beberapa objektif telah disenaraikan berdasarkan objektif umum tersebut. Objektif kajian ini adalah untuk:

- (i) Mengenal pasti pengalaman pelajar Sarjana PTV semasa pertama kali menjejakkan kaki di Pekan Parit Raja.
- (ii) Mengenal pasti sumber-sumber maklumat mengenai pekan Parit Raja yang diperolehi oleh pelajar sebelum hari pendaftaran di KUiTTHO.
- (iii) Memperolehi gambaran fizikal dan sosial pekan Parit Raja dari pandangan pelajar Sarjana PTV.
- (iv) Mencadangkan medium penyebaran maklumat mengenai Parit Raja yang boleh digunakan oleh semua golongan.



PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## 1.6 Skop Kajian


Skop kajian ini adalah kecil dan agak mudah. Penyelidik hanya akan mendapatkan maklumat daripada responden yang terdiri daripada pelajar sendiri. Maklumat dan data yang diperolehi hanyalah berpandukan tujuan untuk mengetahui pengetahuan asas mereka mengenai Parit Raja dan juga pengalaman pertama mereka di Parit Raja. Segala maklumat tambahan yang diperolehi akan menjadi bahan rujukan kajian ini sekiranya ia relevan.

## 1.7 Kerangka Konsep

Konsep atau idea yang dikemukakan di dalam kajian ini adalah berdasarkan konsep yang diubahsuai daripada Model Kelakuan Pencarian Maklumat (Information Search Behavior) yang dicadangkan oleh Edward J. Mayo (1996). Menurut Mayo lagi pencarian maklumat bermula apabila seseorang individu itu mengenal pasti keperluan dirinya. Maklumat mengenai keperluan itu akan dicari dan dikumpul kemudiannya keputusan berdasarkan maklumat akan dibuat. Selepas keputusan itu dibuat, maka keputusan untuk membeli atau menggunakan sesuatu produk atau perkhidmatan akan dibuat. Setelah itu, perasaan selepas penggunaan produk atau perkhidmatan tersebut akan memberi kesan atau pengaruh ke atas diri individu itu. Proses ini akan berulang-ulang tanpa disedari dan menjadi perlakuan seseorang itu setiap kali mencari maklumat tentang sesuatu keperluan.

Rajah 1.1 menunjukkan kerangka konsep bagi kajian ini. Di dalam kajian ini, pelajar-pelajar Sarjana PTV pada awalnya mengenalpasti keperluan mereka iaitu ingin mendapatkan maklumat mengenai pekan Parit Raja. Seterusnya memulakan pencarian maklumat dan akhirnya memperolehinya. Maklumat yang diperolehi

mempengaruhi mereka untuk membuat andaian dan jangkaan mengenai pekan Parit Raja. Setelah menjejakkan kaki di Pekan Parit Raja mereka akan membandingkan jangkaan dan andaian yang dibuat dengan pegalaman sebenar. Akhir sekali, lahirah rasa puashati ataupun tidak di dalam diri masing-masing.



Rajah 1.1 Kelakuan Pencarian Maklumat

Sumber : Edward J.Mayo (1999)

### 1.8 Kepentingan Kajian

Hasil dapatan kajian ini boleh dijadikan petunjuk bagi pihak-pihak yang berkenaan di dalam menyalurkan maklumat terkini mengenai Parit Raja khususnya mengenai KUiTTHO sendiri. Kedudukan KUiTTHO di Parit Raja sendiri menjadikan salah satu faktor mengapa maklumat mengenai Parit Raja adalah penting khususnya bagi pihak pengurusan KUiTTHO.

Terdapat beberapa pihak yang boleh menggunakan maklumat daripada hasil dapatan kajian ini, antaranya:

(i) Hal Ehwal Pelajar (HEP) KUiTTHO

Pihak Hal Ehwal Pelajar KUiTTHO dapat menggunakan hasil dapatan kajian ini untuk mengenalpasti apakah maklumat tambahan yang perlu disertakan di dalam surat tawaran menyambung pelajaran ke KUiTTHO. Selain daripada itu, pihak HEP juga dapat mengenalpasti beberapa masalah utama yang sering dihadapi oleh para pelajar semasa hari pendaftaran dan bersedia dengan sebarang kemungkinan. Selain daripada itu juga, maklumat yang diperoleh juga dapat menyediakan ruang bagi pihak HEP untuk memantau masalah semasa yang dihadapi oleh kebanyakan pelajarinya khususnya dari aspek sosial

(ii) Pelajar KUiTTHO

Hasil dapatan kajian ini diharapkan dapat memberikan sedikit manfaat kepada para pelajar KUiTTHO terutama di kalangan pelajar yang baru pertama kali menjejakkan kaki di Parit Raja, di dalam melahirkan kesedaran tentang perlunya memperoleh maklumat tambahan tentang sesuatu perkara. Diharapkan mereka melangkah maju ke hadapan di dalam mempraktikkannya di dalam kehidupan seharian. Maklumat yang diperoleh juga dapat memberi peluang kepada pelajar untuk merancang cuti hujung minggu mereka dengan aktiviti sihat dan secara tidak langsung menyahut seruan Menteri Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan supaya menggalakkan pelancongan domestik terutama di kalangan generasi muda.

(iii) Orang Awam

Hasil dapatan kajian ini diharapkan dapat memberi kesedaran terhadap orang awam di sekitar Parit Raja khususnya terhadap kenyataan bahawa Parit Raja ialah sebuah

destinasi pelancongan desa yang berpotensi untuk maju ke hadapan berbekalkan kelebihan dan daya penarik yang ada. Selain daripada itu juga, maklumat yang diperoleh dari kajian ini boleh membuka ruang kepada kajian seterusnya bagi destinasi sekitarnya kerana masih tidak ramai yang berminat untuk menjalankan kajian sebegini.

### 1.9 Batasan Kajian

Seperti kajian-kajian yang lain, kajian ini juga mempunyai batasan-batasan. Kajian ini terbatas kepada:

- (i) Respondennya hanya terdiri daripada pelajar-pelajar Sarjana PTV KUiTTHO sahaja yang dipilih secara rawak.
- (ii) Keputusan-keputusan yang diperolehi hanyalah untuk menjelaskan tentang keperluan maklumat mengenai Parit Raja sebagai sebuah destinasi pelancongan yang berpotensi untuk berkembang dalam sektor pelancongan.
- (iii) Tempoh yang diberikan untuk menjalankan kajian ini adalah terhad, oleh itu kajian ini hanya menekankan beberapa aspek pelancongan sahaja yang memfokuskan kepada peranan pengalaman dan maklumat sedia di dalam mempromosikan sesuatu destinasi.



PTU UTHM  
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH

### 1.10 Definisi Istilah

Berikut adalah definisi-definisi beberapa istilah penting yang digunakan di dalam kajian ini:

(i) Destinasi Pelancongan

Dalam pelancongan, sesebuah destinasi itu kebiasaannya merujuk kepada sesuatu tempat, bandar ataupun sebahagian daripada sesebuah negara atau wilayah. Destinasi juga tidak hanya merujuk kepada rupa bentuk fizikal tetapi juga dikenalpasti melalui pemikiran dan ingatan seseorang pelancong itu sendiri.

(ii) Pekan Parit Raja

Pekan Parit Raja ialah sebuah daerah kecil di bawah pentadbiran Majlis Daerah Batu Pahat yang terletak kira-kira 20 kilometer daripada Bandar Batu Pahat. Parit Raja boleh dikunjungi dengan menggunakan laluan utama ke Kluang dan Ayer Hitam iaitu Jalan Kluang. Selain daripada faktor pembangunan sektor industri, kedudukannya yang berhampiran dengan pelbagai kemudahan seperti jalan utama dan Lebuh raya Utara Selatan memberikannya kelebihan berbanding daerah-daerah kecil lain sekitarnya.

(iii) Pelajar KUiTTHO

Pelajar KUiTTHO yang dinyatakan dalam kajian ini merujuk kepada pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) yang kebanyakannya mempunyai latar belakang yang berbeza-beza. Kebanyakan mereka pernah menuntut di universiti-

universiti lain dan masing-masing sudah mempunyai prinsip dan pendapat yang berbeza di dalam memberikan pandangan tentang sesuatu perkara.

(iv) Pengalaman Pertama

Pengalaman pertama pula merujuk kepada pemerhatian individu ataupun kejadian yang memberi kesan kepada seseorang. Secara mudahnya ianya lebih merujuk kepada perasaan ataupun gerak hati yang pertama terhadap sesuatu. Pengalaman pertama pelajar KUiTTHO yang dimaksudkan di sini ialah meliputi pandangan mereka terhadap segala aspek kemudahan, perkhidmatan dan persekitaran di sekitar Parit Raja semasa pertama kali menjejakkan kaki mereka di situ.

(v) Maklumat

Maklumat di sini merujuk kepada sebarang bentuk keterangan dan data berkenaan Parit Raja dan KUiTTHO yang diperolehi oleh pelajar sendiri sebelum mendaftar di KUiTTHO ataupun menjejakkan kaki ke Parit Raja. Maklumat yang diperolehi boleh berbentuk fakta sekunder ataupun primer.



PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH



### 1.11 Rumusan

Kajian ini dijalankan berdasarkan permasalahan yang telah dikenalpasti dan melalui pemerhatian dan tinjauan penyelidik sendiri. Bab I ini telah memberikan gambaran tentang latar belakang permasalahan kajian ini. Persoalan dan objektif yang disenaraikan menjadi garis panduan penyelesaian kepada permasalahan tersebut. Oleh yang demikian, penyelidik telah menentukan skop kajian ini yang hanya meliputi aspek pengalaman pelajar Sarjana PTV berkaitan pekan Parit Raja dan juga usaha pencarian maklumat mengenai pekan Parit Raja sendiri. Idea dan konsep yang telah diberikan oleh Mayo E.J. (1999), menjadi rujukan dari aspek pengolahan idea kajian ini. Seperti kajian-kajian yang lain, kajian ini juga mempunyai kepentingannya yang akan mmeberikan beberapa kebaikan dan kelebihan kepada pihak KUiTTHO sendiri, pelajar-pelajarnya dan juga masyarakat setempat dan serta umum. Beberapa isitilah yang menjadi asas pengolahan idea kajian ini telah disenaraikan di dalam bab ini sebagai rujukan pembaca. Langkah seterusnya ialah pengumpulan maklumat dan kaedah penyelesaiannya. Bab yang berikut akan mengupas sorotan kajian yang lepas di dalam bidang yang sama.





# BAB II

- KAJIAN LITERATUR

PT TIA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUNJ AMINAH

## **BAB II**

### **KAJIAN LITERATUR**

#### **2.1 Pengenalan**

Bab ini akan menjelaskan secara teori berkenaan destinasi pelancongan, persepsi dan pengalaman dalam pelancongan serta beberapa ciri-ciri maklumat yang boleh diperolehi dan digunakan bagi tujuan memperkenalkan sesuatu destinasi pelancongan. Kajian literatur ini dijalankan melalui pembacaan hasil tulisan para penyelidik dalam bidang pemasaran pelancongan dan juga psikologi pelancongan. Selain itu, bab ini juga mengambil kira maklumat yang diperolehi melalui pembacaan buku-buku rujukan dan teks dalam bidang pelancongan.

#### **2.2 Jenis-jenis Pelancongan**

Di dalam membincangkan tentang industri dan pembangunan pelancongan, pelbagai jenis dan bentuk pelancongan perlu difahami dan diketahui. Bentuk

pelancongan diambil kira bagi tujuan pembangunan destinasi pelancongan di sesuatu kawasan itu bagi membantu proses perancangan yang berkekalan dan mampan. Bentuk-bentuk pelancongan ini dikategorikan mengikut ciri-ciri yang tertentu yang dapat membezakan setiap satu bentuk dengan yang lainnya.

Menurut Inskeep, E. (1996) terdapat enam bentuk pelancongan yang utama iaitu:

(i) Pelancongan berasaskan tempat peranginan

Bentuk pelancongan ini dikatakan salah satu bentuk pembangunan pelancongan moden yang mana pusat-pusat peranginan didirikan dan menyediakan pelbagai kemudahan moden serta kemudahan serba lengkap.

(ii) Pelancongan Bandar

Bentuk pelancongan ini lazimnya wujud di Bandar besar tempat pelancongan menjadi penting, tetapi bukanlah kegiatan utama di kawasan Bandar. Hotel dan kemudahan pelancongan yang lain merupakan bahagian penting dalam struktur Bandar dan menyediakan perkhidmatan kepada pelancong dan ahli perniagaan.

(iii) Pelancongan minat khusus dan pengembaraan

Pelancongan minat khusus atau *special interest* marujuk kepada para pelancong, biasanya dalam kumpulan kecil, yang mengembara untuk mempelajari dan mencuba ciri tertentu yang berkaitan dengan sesebuah kawasan. Berkaitan dengan pelancongan minat khusus ialah pengembaraan, iaitu para pelancong terlibat secara fizikal, mencabar dan kadangkala melibatkan kegiatan yang berbahaya seperti pendakian bukit, berakit, menaiki bot melalui jeram dan sebagainya.

(iv) Pelancongan pengangkutan air

Pelancongan berasaskan pengangkutan air sangat berpotensi di beberapa kawasan dan lazimnya merupakan bentuk pelancongan yang kian berkembang pesat.

Pelancongan pengangkutan air ini termasuklah percutioan di atas kapal iaitu *cruise* dan pelayaran.

(v) Pelancongan Kediaman

Pelancongan kediaman pula merujuk kepada kabin, rumah, vila, rumah Bandar dan pangsapuri yang dimajukan sebagai rumah percutian atau persaraan.

(vi) Bentuk pelancongan lain

Terdapat beberapa bentuk pelancongan lain yang bersesuaian dengan ciri-ciri sesebuah negara atau wilayah dan harus dipertimbangkan untuk merumuskan dasar pembangunan plancongan sesebuah kawasan itu. Contoh bentuk pelancongan lain ini termasuklah pelancongan perkhemahan dan karavan, pelancongan belia dan pelancongan sosial.



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

### 2.3 Destinasi Pelancongan

Setiap jenis pelancongan merujuk kepada pelbagai destinasi pelancongan. Sesebuah destinasi dirujuk sebagai sebuah bandar di dalam sebuah negeri, sebuah wilayah dalam sebuah negara ataupun satu kawasan besar di muka bumi ini (Holloway J.C., 1999). Destinasi biasanya merujuk kepada dua perkara iaitu 'semulajadi' ataupun 'buatan manusia'. Semulajadi di sini membawa erti tarikan yang terjadi secara semulajadi seperti pantai dan gunung ganang. Manakala destinasi buatan manusia pula merujuk kepada sesuatu yang dibina dan dibangunkan sendiri oleh manusia seperti taman tema, rumah peranginan dan taman rekreasi. Holloway J.C., (1998), telah mengkategorikan destinasi pelancongan kepada tiga bahagian utama iaitu pesisiran pantai, Bandar atau bandaraya dan kawasan luar Bandar. Walaubagaimanapun, menurut Holloway lagi, kejayaan sesuatu destinasi itu menarik pelancong datang adalah berdasarkan kepada beberapa faktor utama yang lain yang ditawarkan di sesuatu destinasi itu. Ini termasuklah daya tarikan, kemudahan, dan juga faktor mudah untuk dituju.

Menurut Seaton A.V. (1996), sesebuah destinasi pelancongan itu bebez dari beberapa aspek tertentu iaitu :

- (i) Saiz

Bentuk dan saiz sesebuah kawasan itu.

- (ii) Tarikan Fizikal

Sesebuah destinasi pelancongan yang peast membangun sudah pasti mempunyai tarikan fizikal yang semulajadi menarik seperti kawasan pergunungan yang indah.

(iii) **Infrastruktur**

Terdapat kemudahan infrastruktur seperti jalanraya, landasan keretapi dan juga pengangkutan udara.

(iv) **Keuntungannya/ kebaikannya kepada pelancong**

Sesetengah destinasi menawarkan keuntungan kepada pelancong sebagai contoh pelancong perniagaan ataupun pelancong yang sukakan aktiviti rekreasi.

(v) **Bergantung kepada pelancongan**

Terdapat juga destinasi yang hanya bergantung kepada kegiatan pelancongan sahaja ataupun tidak terdapat kegiatan ekonomi lain yang berpotensi untuk beroperasi di situ.

**2.4 Mengaudit Destinasi**

Di dalam pemilihan sesuatu destinasi untuk dibangunkan dan dimajukan, pengauditan perlu dijalankan. Seaton A.V.(1996) juga mencadangkan tiga persoalan utama semasa membuat pemilihan, iaitu:

(i) **Apa yang ada di situ?**

Ia merujuk apa yang sebenarnya terdapat di destinasi itu secara fizikal atau bukan fizikal. Ini meliputi sumber-sumber tarikan pelancongan seperti tarikan fizikal, sosiobudaya, infrastruktur, dan juga kemudahan penginapan.



- (ii) Apa yang dijangka terdapat di situ?

Jangkaan apa yang terdapat di sesuatu destinasi boleh menggambarkan imej destinasi tersebut. Kebiasaannya ia melibatkan persepsi dan jangkaan pelancong itu sendiri.

- (iii) Apa yang dibayangkan terdapat di situ?

Ini melibatkan liputan yang dibuat oleh pihak media yang selalunya menggambarkan sesuatu destinasi dengan pelbagai gaya dan interpretasi. Biasanya liputan ini boleh didapati dalam bentuk buku, berita, pusing dan bermacam lagi bentuk media komunikasi manusia.

## 2.5 Persepsi dan Pengalaman Pelancong

Setiap manusia mempunyai pilihan dan persepsi yang berbeza terhadap perkara yang belum atau yang sudah berlaku ke atas mereka. Persepsi biasanya melahirkan jangkaan yang di luar kawalan. Namun begitu saat pertama kali sesuatu perkara itu berlaku sama ada menyamai jangkaan dan persepsi atau tidak, ia mewujudkan satu keadaan lain dalam jiwa setiap individu itu iaitu pengalaman (Tye 1992). Menurut Tye (1992), pengalaman seseorang itu boleh digambarkan melalui kriteria yang tertentu. Namun begitu ada juga pendapat yang mengatakan bahawa pengalaman itu lebih menjerus kepada konsep di dalam minda yang boleh mempengaruhi tingkahlaku seseorang itu (Millar A., 1996).

Persepsi boleh dianggap sebagai satu proses di mana kita memberi gambaran terhadap dunia ini. Kita membuat jangkaan terhadap kejadian, objek dan tingkahlaku. Proses persepsi bukanlah proses yang mudah, malah ia boleh timbul secara mengejut tanpa diduga. Tidak ada dua individu melihat dunia dengan



pandangan yang sama. Kita melihat banyak perkara yang sama tetapi kita menginterpretasikannya dengan cara yang amat berbeza antara satu sama lain. (Mayo, 1996).

Menurut Hunt J.D. (1975) dalam *The Study of Travel and Leisure Behavior* (Mayo, 1999), terdapat banyak faktor yang menyumbang di dalam menentukan bagaimana sesuatu objek atau perkara itu dilihat. Faktor-faktor tersebut dikatakan boleh mempengaruhi persepsi dan ianya terbahagi kepada dua kategori, iaitu:

(i) Faktor Penggalak

Faktor ini termasuklah faktor penggalakan itu sendiri iaitu saiz, bentuk, bunyi, tekstur dan persekitaran.

(ii) Faktor Personal

Faktor personal pula merujuk kepada kriteria pada seseorang itu sendiri termasuklah tahap kecerdasan, personaliti, motivasi, pengalaman lepas, jangkaan dan mood.

Proses persepsi memang mempunyai kaitan yang amat rapat dengan pengalaman setiap individu itu. Namun begitu, Dharmaratne G.S. (2000) menyatakan bahawa pengalaman merupakan sesuatu pengetahuan secara praktikal atau latihan yang diperolehi daripada pemerhatian secara langsung atau pun melalui penyertaan dalam sesuatu kejadian. Ringkasnya pengalaman merujuk kepada sesuatu yang dicapai sendiri, dilalui atau diterokai oleh seseorang individu itu (Dharmaratne et al, 2000). Biasanya pengalaman menjadi sesuatu yang kekal di dalam minda seseorang itu yang mungkin diguna pakai pada-masa-masa yang tidak dapat ditentukan akal.



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNJUKU AMINAH

## 2.6 Maklumat Mengenai Destinasi Pelancongan

Perkataan maklumat amat similar dengan trend pembangunan masa kini. Marrywood (2002) mendefinisikan maklumat sebagai koleksi simbol simbol yang apabila ia dihirupkan, boleh membentuk mesej atau idea kebijaksanaan. Apabila kita menggabung beberapa huruf dan disusun mengikut urutannya ia membentuk perkataan yang boleh membawa mesej yang tertentu. Dari situ, Marrywood (2002) melihat koleksi huruf-huruf tersebut sebagai sesuatu konsep. Konsep yang sama juga diaplikasikan dalam signal analog elektronik di dalam membentuk kod bagi maklumat kepada mesin pencetak (Correa, 1995).

Marrywood (2002) menyatakan bahawa terdapat beberapa kriteria-kriteria maklumat yang perlu diketahui. Kriteria-kriteria tersebut termasuklah :

Maklumat Analitik : Intepretasi fakta  
 Contoh : Ensiklopedia, buku dan majalah  
 Maklumat Fakta : Maklumat berdasarkan fakta sahaja, tiada penerangan dan penjelasan  
 Contoh : Statistik, dan kamus.

Maklumat Primer : Maklumat asal atau daripada salinan asal.  
 Contoh : Diari, kerja seni dan data mentah.

Maklumat Sekunder : Maklumat yang diolah semula berdasarkan maklumat primer.  
 Contoh : Gossip dan nota dalam kelas,



## 2.7 Penggunaan Maklumat dalam Mempromosi Destinasi Pelancongan

Di dalam pemasaran destinasi pelancongan, maklumat mengenai sesuatu destinasi itu adalah sangat penting. Ia menjadi intipati kepada aktiviti pemasaran dan promosi sesuatu destinasi tersebut. Penggunaan beberapa medium komunikasi untuk menyampaikan maklumat kepada audien adalah satu cara yang berkesan di dalam usaha memperkenalkan sesuatu destinasi. Sebagai contoh penggunaan ruangan iklan di majalah untuk mempromosikan destinasi pelancongan ataupun penggunaan halaman web di internet untuk memberikan maklumat yang berbentuk interaktif. Davidoff (1994), mengatakan bahawa aktiviti memasarkan sesuatu destinasi pelancongan melibatkan aktiviti di dalam campuran pasaran. Menurut beliau lagi, antara elemen-elemen penting yang biasanya diambil kira ialah periklanan, publisiti dan promosi jualan.

### 2.7.2 Pengiklanan

Dari segi definisi, periklanan merupakan satu bentuk komunikasi berbayar. Ianya mempunyai tiga kegunaan utama iaitu untuk memberitahu, mengingatkan dan juga memujuk (Davidoff, 1994). Kekangan bagi periklanan terletak pada sifatnya yang hanya melibatkan komunikasi sebelah pihak sahaja. Walaupun sesuatu iklan itu berjaya menarik perhatian audiennya namun tindakan audien yang seterusnya berda di luar kawalan. Menurut Davidoff (1994) lagi, terdapat dua jenis periklanan iaitu *directional* dan *intrusive*. Periklanan *directional* atau terarah ialah bentuk periklanan yang bertujuan memberi penekanan kepada penjualan sesuatu produk yang diiklankan. Manakala jenis *intrusive* pula merupakan bentuk iklan yang memberikan senarai produk yang boleh dibeli oleh audien.

Davidoff (1994), menyenaraikan beberapa jenis periklanan yang lazim didapati di sekeliling kita iaitu ;

(i) Media Percetakan

Media percetakan biasanya di dalam bentuk surat khabar dan majalah. Surat khabar biasanya mudah didapati dan dibaca oleh pembacanya setiap hari kerana ia diterbitkan dan dikeluarkan setiap hari.

(ii) Media Penyiaran

Media penyiaran merupakan bentuk media yang paling berpengaruh dan mahal. Bentuk media ini termasuklah televisyen dan radio.

(iii) Brochure/Risalah Pelancongan

Perkhidmatan pelancongan yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar biasanya digambarkan di dalam promosi berbentuk risalah dan brochure. Melalui gambar dan maklumat yang dimuatkan di dalamnya, audien dapat membuat andaian dan jangkaan mereka terhadap sesuatu destinasi itu.



## BIBLIOGRAFI

Anonymous (1989). "The Study of Travel and Leisure Behaviour"  
London:Longman.

Cohen, L. & Manion, L. (1994). "Research Method in Education".  
London:Routledge.4.

.Cooper, D.R & Schindler, P.S.(2001) "Business Research Methods". New York:  
McGraw-Hill. 7.

Correa,H.(1995). "The Theory of the Demand for Education in the Microeconomic  
Theory of Education." *International Journal of Education Research*. **23**.

Crandall, R. (1980). "Motivations for Leisure". *Journal of Leisure Research*.  
**1.45-54**.

Davidoff, P.G. and Davidoff, D.S.(1994). "Sales and Marketing for Travel and  
Tourism". USA: Prentice Hall.

Dharmaratne, G.S and Sang, F.Y., and Walling, L.J. (2000). "Tourism Potential for  
Financing Protected Area" *Annals of Tourism Research*, Vol.27. **3.590-610**.

Edward Inskeep (1991), "Tourism Planning-An Integrated and Sustainable  
Development Approach". Canada : Wiley.

"Experience." (2002).WTO News Report, 3 (March), 2-3.

*Experience* (2002), edited by Tye Crane. Cambridge: Cambridge University Press.

Holloway J.C. (1999)., "The Business of Tourism" . Singapore: Longman.5.



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

- Izwarni Salleh. (2001) "A Study on Sexual Harassment at Workplace". Faculty of Hotel & Tourism Management. UiTM Shah Alam. Tesis Sarjana Muda
- John D.Hunt (1975), "Image as a Factor in Tourism Development". *Journal of Travel Research*, vol.13, m.s.1-7.
- Mayo, E.J. (1996), "The Attractiveness of Far-Off Destination". *Annals of Travel Research*. vol 2, m.s. 304-318.
- Mayo, E.J. (1999), "The Study on Travel Behavior". *Journal of Travel Research*. vol 4 m.s. 114-128.
- McIntosh, Goeldner and Ritchie (1995), "Tourism-Principles, Practices, Philosophies", United States of America: Wiley.7.
- Medina, D.M and Falcon-Garcia, J.M. (2000). "Successful Relationship Between Hotels and Agencies". *Annals of Tourism Research*, Vol 27.3.737-762.
- Millar, A. (1996). "The Idea of Experience". *Proceedings of the Aristotelian Society* XCVI:75-90.
- Marketing Plan 2000-2001, Malaysia Tourism Promotion Board.
- Mancini, M. (1999). "Selling Destinations". New York : Delmar Publisher.
- Marrywood (2002), "Communication Strategies to Reach First Time Visitors" *Annals of Tourism Marketing*. vol 3. 3. 520-542.
- Mohd. Majid Konting (2000). "Kaedah Penyelidikan Pendidikan". Kuala Lumpur Dewan Bahasa & Pustaka..
- Mohamad Najib Abdul Ghaffar (1999). "Penyelidikan Pendidikan". Skudai Johor. Universiti Teknologi Malaysia..



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Nor'Ain Othman (1998). "Strategic Alliances Between Malaysia tourism Promotion Board and UK Tour Operators in Marketing Malaysia as Tourist Destination" Bourmmouth University: Thesis MSc.

Nor'Ain Othman (2001). "A Handbook for Research Method for Hospitality Study", Shah Alam: UiTM

Nor Khomar Ishak (2000). "Research Methodology Manual". Faculty of Hotel and Tourism Management, UiTM Shah Alam.

Okposin S.B., Abdul Hamid, dan Boon O.H. (2001). Changing Phase of Malaysian Economy. Pelanduk Publication, Malaysia.

Rizwan Zainal (2002). "Kajian terhadap Tahap Kualiti Latihan Industri Bagi Pelajar Diploma Pengurusan Pelancongan di UiTM". UiTM. Shah Alam. Tesis Sarjana Muda.

Safiza Alfian Yusof (2001). "A Study On The Student's Perceptions Of The Tourism Education In Higher Learning Institutions In Malaysia". Faculty of Hotel & Tourism Management. UiTM Shah Alam. Tesis Sarjana Muda

Seaton, A.V. and Bennet, M.M.(1996). "The Marketing of Tourism Products : Concept, Issues and Cases". USA:International Thomson Business Press.

Sulaiman Ngah Razali (1991), Analisis Data dalam Penyelidikan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Veal A.J.(1997 "Research Methods for Leisure and Tourism – A practical Guide" . ILAM Institue of Leisure and Amenity Management: Pitman Publishing.



PTTA UTM  
PERPUSTAKAAN TINGKATAN AMINAH